

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**DASAR BAGI PERMOHONAN TENEMEN MINERAL UNTUK PERLOMBONGAN  
MINERAL NADIR BUMI (REE)**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-4/2020 yang bersidang pada 19 Februari 2020 melalui Kertas Bil. 4/2020/D5(5) dan telah membuat keputusan bersetuju meluluskan dasar bagi permohonan tenemen mineral untuk perlombongan Mineral Nadir Bumi (REE) sebagaimana berikut:-

- i. Semua permohonan untuk mendapatkan pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya untuk Mineral Nadir Bumi (REE) adalah tidak dipertimbangkan dan semua kawasan yang dikenalpasti berada di dalam Hutan Simpan Kekal (akan diwarta keluar terlebih dahulu) dan Tanah Kerajaan yang mengandungi mineral REE akan diletakkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Kelantan (PTK) terlebih dahulu dan jika melibatkan tanah milik, PTK akan membuat pengambilan tanah di bawah peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960.
  - ii. Meminda Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral (Pindaan) 2018 dengan memasukkan senarai mineral yang dikategorikan sebagai Mineral Nadir Bumi (REE) bagi pengenaan kadar royalti sebanyak 12% daripada nilai pasaran yang ditetapkan di bawah Peraturan 61, Peraturan-Peraturan Mineral 2003.
2. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.

3. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN**

**KEPADA:**

YABhg. Dato'/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.16/12/37 JLD.2  
BERTARIKH : 18 RAMADHAN 1441H  
11 MEI 2020